



KOLEJ POLY-TECH MARA

KENYATAAN SEBUT HARGA



1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **CIDB** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF TANDAS ARAS 5 (DEPAN) DI KOLEJ POLY-TECH MARA IBU PEJABAT

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH PELAWAAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
KPTM/OPR/SH/HQ/18/26	Mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor seperti berikut: CIDB: Gred G1 Pengkhususan: B04- Kerja Am Bangunan / B24- Kerja Penyenggaraan Bangunan / B28- Kerja Ubahsuai	4/08/2026 Hingga 12/08/2026	Tarikh: 4/08/2026 (Selasa) Masa: 10.00 Pagi Tempat: Dewan Mawar Aras 4, Ibu Pejabat Kolej Poly-Tech MARA	RM10.00	Tarikh 12/08/2026 (Rabu) Sebelum 12.00 tengah hari

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan menghadiri sesi taklimat.
- Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)
 - Sijil Taraf Bumiputera (PKK)
3. Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **KPTMSB** semasa menghadiri taklimat. **KPTMSB** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **KPTMSB** adalah tidak layak.
4. Dokumen boleh didapati pada waktu pejabat seperti di jadual di Para 1 yang beralamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan diedarkan selepas tempoh tersebut.
5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebutharga dan mengambil dokumen. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh **KPTMSB** semasa menghadiri taklimat tender.
6. Semua kos berkaitan dengan tawaran di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. **KPTMSB** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **KPTMSB** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. **Dokumen** yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

**PENGARAH KANAN
JABATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ASET
ARAS 4 IBU PEJABAT KOLEJ POLY-TECH MARA
JALAN 7/91 TAMAN SHAMELIN PERKASA,
56100 CHERAS, KUALA LUMPUR**

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen Sebut Harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Sebut Harga tidak akan diterima dan ditolak.